

## Mengenalpasti Tahap Kebolehsaingan Pelajar Kolej Komuniti Sabak Bernam (KKSB)

Razizan Samad<sup>1\*</sup>, Nurul Hilwa Ahmad Alias<sup>1</sup> dan Muhaimin Roji<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Sabak Bernam

<sup>2</sup>Politeknik Bagan Datuk

\*Pengarang pengantara: razizan@kksbs.edu.my

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kebolehsaingan pelajar Kolej Komuniti Sabak Bernam (KKSB), dengan tumpuan kepada aspek kebolehsaingan peningkatan diri, komunikasi, dan kerja. Selain itu, kajian juga mengkaji perbezaan kebolehsaingan antara pelajar mengikut jantina. Responden terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 123 pelajar yang mengikuti program Sijil Teknologi Elektrik (SKE), Sijil Fesyen dan Pakaian (SFP), Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan (SPK), dan Diploma Teknologi Senibina (DAT) di KKSB. Metodologi kajian melibatkan penggunaan soal selidik sebagai instrumen utama. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages for Social Science (SPSS) versi 23 untuk mendapatkan nilai skor min dan peratus. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kebolehsaingan pelajar secara keseluruhan adalah sederhana tinggi, dengan nilai purata skor min sebanyak 3.86. Kebolehsaingan peningkatan diri, komunikasi, dan kerja menunjukkan variasi nilai min yang berbeza-beza: 3.62 hingga 4.20, 3.19 hingga 4.17, dan 3.75 hingga 4.24 masing-masing. Kesimpulan kajian menunjukkan bahawa pelajar KKSB mempunyai tahap kebolehsaingan yang baik dalam aspek peningkatan diri, komunikasi, dan kerja. Perbezaan dalam kebolehsaingan antara jantina turut diperincikan. Kajian ini memberi implikasi kepada pentadbir pendidikan untuk merancang dan melaksanakan program-program yang berkaitan dengan pembangunan kebolehsaingan pelajar.

**Kata kunci:** Daya Saing; Kebolehsaingan; Kolej Komuniti Sabak Bernam

## 1.0 Pengenalan

Kemampuan untuk bersaing dikenali sebagai daya saing (Kamus Dewan Edisi Keempat). Peraturan yang dikeluarkan oleh Menteri Pendidikan Nasional No. 41 tahun 2007 dalam Afriyani (2011:11), daya saing ditakrifkan sebagai kemampuan untuk menunjukkan hasil yang lebih baik, lebih cepat atau lebih bermakna. Kemahiran yang dimaksudkan ialah keupayaan untuk mengekalkan kedudukan yang menguntungkan, meningkatkan pasaran kerja, membina hubungan dengan persekitaran dan meningkatkan prestasi secara berterusan. Indikator-indikator tertentu boleh digunakan sebagai petunjuk bagi mengenalpasti kelemahan dan kekuatan daya saing.

Keinginan dalaman seseorang untuk bekerja lebih cepat, lebih cemerlang, dan lebih baik daripada orang lain adalah sebahagian daripada daya saing. Perkataan Latin "bersaing" bermaksud menyertai perniagaan yang mempunyai persaingan dalam pasaran (Ajitabh & Momaya 2004). Menurut Thomas et al (2002), ciri-ciri persaingan termasuk orientasi jangka panjang, kebolehkawalan dan sifat relatif, dinamik dan perbandingan disertakan. 2002.

Kepelbagaian budaya, pengurusan diri, perancangan dan pengurusan, komunikasi, dan tingkah laku strategik adalah lima perkara yang meningkatkan daya saing pelajar, menurut Hariyaty (2014). Oleh itu, orang yang berdaya saing dapat melaksanakan tugas dengan lebih baik, menangani cabaran yang berbeza, dan menyesuaikan diri dengan pekerjaan mereka. Dalam kajian ini, daya saing termasuk daya saing agresif (DSA), daya saing dominan (DSD), daya saing peningkatan diri (DSPD), daya saing kebolehsaingan (DSKS), daya saing pengurusan organisasi (DSPO), daya saing pengurusan komunikasi (DSPK), daya saing pengurusan matlamat (DSPM), daya saing pengurusan kewangan (DSPK) dan daya saing kebolehkerjaan (DSK).

Kemajuan negara dapat diperhebat dengan wujudnya sumber manusia yang berdaya saing dan produktif menjadi asas penting kepada perkembangan negara. Natijahnya negara akan menjana sumber ekonomi yang berpendapatan tinggi dan merencanakan inovasi negara. (Lutfihak Alpkhan et al 2010; Thomas dan Daniel; Raul Ramus et. 2010).

Keperluan untuk daya saing ini amat penting pada masa hadapan, kerana dalam situasi masa kini berkemungkinan terdapat wujudnya saingan yang hebat antara negara-negara serantau berikutan situasi era pemodenan dunia (Harinder 2012). Untuk memastikan negara mempunyai lebih banyak pekerja, Ahmad Nazri Sulaiman, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Politik dan Antarabangsa Kementerian Pendidikan dan Pengajian Tinggi, berkata graduan harus berusaha dari semasa ke semasa untuk memperoleh kemahiran dan ilmu lanjutan.

Rentetan berleluasanya pandemik COVID-19 telah memberi impak yang amat besar terhadap ekonomi dan pembangunan negara. Dengan peningkatan kadar pengangguran pada suku pertama, sektor pekerjaan mencapai 3.9%

berbanding 3.3% pada 2019. Selain itu, data statistik menunjukkan peningkatan penganggur kepada 610,000, atau 17.1%, berbanding 521,000 pada bulan yang sama pada 2019. Kesan negatif PKP, yang seterusnya menjejaskan pasaran buruh, adalah punca kadar pengangguran yang tinggi pada Mac 2020 (Abdul Aziz, A. R. 2020).

Oleh itu, objektif kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap kebolehsaingan pelajar Kolej Komuniti Sabak Bernam dari aspek kebolehsaingan peningkatan diri, kebolehsaingan komunikasi dan kebolehsaingan kerja. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan mengenal pasti perbezaan daya saing pelajar Kolej Komuniti Sabak Bernam mengikut jantina. Hasil dapatan ni amat diperlukan bagi mengenalpasti tahap kebolehsaingan peningkatan diri, kebolehsaingan komunikasi dan kebolehsaingan kerja agar tindakan awal dapat dilaksanakan oleh pihak-pihak berkepentingan bagi mempersiapkan dan menyediakan bakal graduan yang dinamik dan lebih kompetitif untuk pasaran kerja yang mencabar.

## **2.0 Kajian Literatur**

Kajian berkaitan daya saing pelajar KKSB telah dilaksanakan oleh beberapa penyelidik sebelum ini. Antaranya Norasmah Othman et. al. (2015) mendapati pelajar universiti di Semenanjung Malaysia secara amnya masih belum menunjukkan daya saing yang kukuh kerana markah keseluruhan mereka berada pada tahap sederhana tinggi. Para pengkaji juga menyatakan bahawa pelajar masih belum bersedia untuk menangani cabaran globalisasi dengan secukupnya. Kajian literatur mendedahkan bahawa kebanyakan graduan pada masa ini tidak memenuhi banyak piawaian yang diperlukan oleh pihak syarikat. (Zaleha et al. 2007).

Berpandukan kajian Hariyaty (2014) dan Norasmah et al. (2015) mereka percaya bahawa sebab mengapa graduan tidak dapat mencari pekerjaan adalah kekurangan keyakinan terhadap kebolehan mereka, kekurangan matlamat dan keinginan untuk berkembang, kekurangan inisiatif untuk menyelesaikan tugas, kekurangan kemahiran komunikasi, dan kekurangan kewangan sumber dan kemahiran pengurusan organisasi. Hal ini mengakibatkan kebolehpasaran seseorang menjadi semakin sukar.

Manakala, hasil penemuan Isarji et al. (2008) dan Morshidi et al. (2008) mendapati kekurangan penguasaan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris antaranya menyebabkan punca kurangnya daya saing dalam kebolehkerjaan. Kajian oleh Wan Hartini et al. (2003) mengiktiraf persaingan berterusan dalam komuniti pelajar harus berlaku kerana ianya merupakan fitrah manusia. Walau bagaimanapun, keperluan menguruskan organisasi dengan betul adalah menjadi keperluan. Hal ini supaya pekerja lebih termotivasi dan berasa selesa untuk melaksanakan pekerjaan dengan baik.

Kajian Zunainah binti Hamid et al. (2020) pula mendapati kemahiran kebolehpasaran yang tinggi pada graduan memudahkan mereka memperolehi pekerjaan selepas menamatkan pengajian. Manakala menurut kajian Hariyaty, pelajar IPT memerlukan daya saing yang dominan untuk

membangunkan kemahiran interpersonal yang mampan dan relevan dalam pasaran kerja masa hadapan serta mempunyai sifat asertif yang tinggi dalam melaksanakan tugas sebagai seorang pelajar.

### **3.0 Metodologi**

#### **3.1 Rekabentuk Kajian**

Kajian ini merupakan kajian berbentuk deskriptif. Objektif utama penyelidik melaksanakan kajian ini untuk mengetahui tahap daya saing pelajar Kolej Komuniti Sabak Bernam dalam aspek kebolehsaingan peningkatan diri, kebolehsaingan komunikasi dan kebolehsaingan kerja.

#### **3.2 Populasi dan Sampel Kajian**

Dalam kajian ini, populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar KKSB iaitu daripada empat (4) program (SPK, SFP, SKE dan DAT). Berdasarkan data pengambilan pelajar jumlah keseluruhan pelajar di Kolej Komuniti Sabak Bernam pada Sesi I 2021/2022 adalah sebanyak 170 orang pelajar. Menurut jadual yang dibuat oleh Kriecjie dan Morgan pada tahun 1970, sekurang-kurangnya 118 pelajar perlu disertakan dalam kajian. Dalam kajian ini, pelajar telah dipilih secara rawak untuk menjawab soal selidik. Ini memberikan semua orang peluang yang sama untuk menjawab.

#### **3.3 Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan soal selidik secara dalam talian bagi mendapatkan maklum balas responden. Data kajian yang dikumpul mengandungi 4 bahagian seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

**Jadual 1:** Item Soal Selidik

<b>Bahagian</b>	<b>Jenis Konstruk</b>	<b>Bil. Item</b>
A	Demografi: Jantina, Kawasan tempat tinggal, Pendapatan isi rumah (sebulan), Pengalaman bekerja, Program dan Semester.	6
B	Konstruk Kebolehsaingan Peningkatan Diri	12
D	Konstruk Kebolehsaingan Komunikasi	8
E	Konstruk Kebolehsaingan Kerja	8

Kajian Sekaran (2003) menjadi asas untuk bahagian soal selidik ini. Hasil kajian rintis terhadap 30 peserta menunjukkan nilai Alpha Cronbach 0.866. Ini menunjukkan bahawa soalan yang dibina adalah boleh dipercayai.

#### **3.4 Metod Analisis Data**

Data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan analisis berbentuk kuantitatif. Perisian SPSS versi 23 digunakan bagi menganalisis data soal selidik yang diperoleh. Analisis deskriptif menggunakan peratus, frekuensi dan min digunakan bagi menunjukkan hasil dapatan bagi kajian ini. Interpretasi skor min dalam kajian ini telah dibahagikan kepada empat tahap iaitu rendah, sederhana rendah, sederhana tinggi dan tinggi seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.


**Jadual 2:** Interpretasi skor min daya saing pelajar KKSB

Skor Min	Tahap Skor Min
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Nunally (1978); Norasmah (2002); Norasmah & Sabariah (2005)


#### 4.0 Dapatan dan Perbincangan

Data-data yang diperolehi telah diproses menggunakan Perisian IBM SPSS Statistics 23. Seramai 123 orang telah memberi maklumbalas terhadap soal selidik tersebut. Rajah 1 menunjukkan peratus responden mengikut jantina iaitu seramai 60 orang pelajar lelaki dan 63 orang pelajar perempuan bersetuju dan memberi kerjasama dalam menjawab soal selidik.



**Rajah 1 :** Peratus responden mengikut jantina

Manakala, Rajah 2 menunjukkan peratus responden mengikut program pengajian yang ditawarkan di Kolej Komuniti Sabak Bernam.



**Rajah 2:** Peratus responden mengikut program pengajian

Bagi menjawab objektif kajian, tahap daya saing pelajar dinalisis dan dibincangkan mengikut dua objektif yang telah ditetapkan. Skala tersebut dirujuk sebagai skor min yang dipaparkan dalam Jadual 2.

**4.1 Analisis Objektif 1: Mengenal pasti tahap kebolehsaingan pelajar Kolej Komuniti Sabak Bernam dari aspek kebolehsaingan peningkatan diri, kebolehsaingan komunikasi dan kebolehsaingan kerja.**

Bagi menganalisis tahap kebolehsaingan pelajar KKSB, tiga konstruk daya saing telah digunapakai terhadap kajian ini. Hasil analisis ditunjukkan pada Jadual 3.

**Jadual 3:** Konstruk Daya Saing

No Item	Item	Min Purata	Interpretasi Tahap
1	Kebolehsaingan peningkatan diri	3.96	Sederhana Tinggi
2	Kebolehsaingan komunikasi	3.63	Sederhana Tinggi
3	Kebolehsaingan kerja	3.97	Sederhana Tinggi

**Jadual 4:** Konstruk Kebolehsaingan Kerja

No Item	Item	Min	SP	Min Purata
C1	Saya boleh melaksanakan tugas seorang diri untuk mencapai matlamat	3.76	0.95	3.98
C2	Saya melakukan tugas bersungguh-sungguh berbanding dengan rakan sekumpulan	3.75	0.97	
C3	Saya mengambil kira komen orang lain terhadap tugas saya untuk meningkatkan kompetensi diri	4.15	0.77	
C4	Saya kerap menyempurnakan tugas yang sukar walaupun saya tidak yakin saya boleh menyelesaikannya seorang diri	4.01	0.84	
C5	Saya sentiasa menghantar tugas tepat atau lebih awal pada waktunya	3.77	0.92	
C6	Saya boleh menerima keadaan apabila tugas yang saya laksanakan perlu diperbaiki	4.09	0.86	
C7	Saya akan menyemak tugas saya sebaik mungkin sebelum menghantarnya kepada pensyarah	4.24	0.81	
C8	Saya boleh melakukan kerja secara berpasukan dengan efektif	4.09	0.90	

Dapat disimpulkan di sini, tahap kebolehsaingan pelajar KKSB adalah pada tahap sederhana tinggi skor min antara nilai 3.63 hingga 3.97. Konstruk yang mempunyai skor min tertinggi adalah kebolehsaingan kerja dengan purata min 3.97. Perincian konstruk kebolehsaingan kerja boleh dilihat pada Jadual 4. Item C7 menyumbang nilai skor min tertinggi adalah “Saya akan menyemak tugas saya sebaik mungkin sebelum menghantarnya kepada pensyarah” dengan nilai skor min sebanyak 4.24 dengan interpretasi tahap tinggi. Hal ini bermakna pelajar mempunyai inisiatif yang sangat baik dalam menyelesaikan tugas yang diberikan oleh pensyarah bagi melayakkan pelajar memperolehi markah yang terbaik. Manakala item C2 “Saya melakukan tugas bersungguh-sungguh berbanding dengan rakan sekumpulan” mendapat skor min paling rendah 3.75 dengan interpretasi tahap sederhana tinggi dalam konstruk kebolehsaingan kerja.

**Jadual 5:** Konstruk Kebolehsaingan Komunikasi

No Item	Item	Min	SP	Min Purata
B1	Saya mampu mengendalikan sesi soal jawab dengan baik semasa pembentangan	3.61	0.89	3.63
B2	Saya mampu membuat orang lain berasa selesa bercakap dengan saya	3.79	0.95	
B3	Saya boleh berkomunikasi secara efektif dalam Bahasa Melayu	4.17	0.84	
B4	Saya boleh berkomunikasi secara efektif dalam Bahasa Inggeris	3.38	1.07	
B5	Saya mampu membuat pembentangan tugas dengan yakin di hadapan kumpulan lain	3.69	0.97	
B6	Saya mampu berucap di hadapan orang ramai	3.28	1.19	
B7	Saya boleh menggunakan komunikasi bukan lisan (bahasa badan) ketika membuat pembentangan.	3.19	1.21	
B8	Saya sentiasa berkomunikasi dengan pensyarah untuk mendapatkan lebih kefahaman	3.94	0.88	

Analisis min konstruk kebolehsaingan komunikasi menunjukkan purata nilai min 3.63. Jadual 5 memaparkan item B3 “Saya boleh berkomunikasi secara efektif dalam Bahasa Melayu” dengan skor min 4.17 menyumbang nilai min tertinggi dalam konstruk ini. Dapatan ini menunjukkan pelajar KKSB tidak mempunyai masalah dan boleh berkomunikasi dengan baik dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantaraan. Manakala, skor terendah adalah “Saya boleh menggunakan komunikasi bukan lisan (bahasa badan) ketika membuat pembentangan” iaitu sebanyak 3.19 pada item B7 dan “Saya mampu berucap di hadapan orang ramai” pada item B6 dengan nilai skor min 3.28. Oleh yang demikian, dapatan ini

menjelaskan pelajar KKSB masih kurang keyakinan dan keupayaan dari aspek pengucapan awam dan bertutur di khalayak ramai

**Jadual 6:** Konstruk Kebolehsaingan Peningkatan Diri

No Item	Item	Min	SP	Min Purata
A1	Saya sentiasa cuba mengatasi prestasi orang lain	3.93	0.98	3.96
A2	Saya ingin mencuba sesuatu yang sukar walaupun saya tahu saya bukan yang terbaik	4.08	0.96	
A3	Saya suka cabaran dalam persaingan	3.90	0.96	
A4	Saya belajar memperbaiki kemahiran diri melalui persaingan	4.05	0.91	
A5	Saya belajar melalui persaingan dengan orang lain	3.92	0.94	
A6	Persaingan penting buat saya	3.62	1.08	
A7	Kegagalan menjadikan saya lebih bersemangat untuk bersaing di masa hadapan	4.20	0.94	
A8	Saya meningkatkan kecekapan dengan bersaing	3.95	0.90	
A9	Saya seronok menyusun strategi untuk menang dalam persaingan	4.04	0.84	
A10	Saya mengenali diri sendiri melalui persaingan	3.83	0.98	
A11	Saya seronok bersaing kerana ini merupakan peluang untuk saya menunjukkan kebolehan	3.98	0.92	
A12	Saya bersaing untuk mencungkil bakat diri	4.05	0.92	

Analisis min skor tahap sederhana tinggi dicatatkan pada konstruk kebolehsaingan peningkatan diri dengan pencapaian purata skor min 3.96 dengan interpretasi sederhana tinggi. Item A7 “Kegagalan menjadikan saya lebih bersemangat untuk bersaing di masa hadapan” menyumbang kepada skor min pada nilai tertinggi iaitu 4.20. Ini menunjukkan pelajar-pelajar KKSB mempunyai daya tahan dan semangat tidak berputus asa yang baik dalam mendepani kegagalan. Seterusnya, skor min nilai terendah iaitu 3.62 dengan tahap interpretasi sederhana tinggi adalah item A6 “Persaingan penting buat saya”. Walaupun pelajar-pelajar KKSB mempunyai sikap tidak berputus asa yang tinggi tetapi wujudnya persaingan yang hebat sedikit sebanyak mempengaruhi moral dan daya tahan pelajar. Ini sekali gus mempengaruhi tahap kemampunan pelajar untuk terus mengharungi cabaran ataupun meninggalkan cabaran yang dihadapi.

#### **4.2 Analisis Objektif 2: Mengenal pasti perbezaan daya saing pelajar mengikut jantina**

Dapatan yang diperolehi merekodkan nilai ( $M=3.93$ ,  $SP=0.65$ ) bagi pelajar lelaki dan perempuan ( $M=3.78$ ,  $SP=0.55$ ). Namun, dapatan bagi ujian Levene menunjukkan nilai  $p>0.05$ . Boleh disimpulkan bahawa tidak wujud perbezaan daya saing mengikut jantina (Jadual 8 dan Jadual 9).



**Jadual 8:** Laporan Statistik Kumpulan

	<b>Jantina</b>	<b>N</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
<b>Daya Saing Pelajar</b>	Lelaki	60	3.9317	0.65143
	Perempuan	63	3.7881	0.55644

**Jadual 9:** Jadual Ujian-t Sampel Bebas

	Ujian Levene Untuk Persamaan Varians		Ujian-t Untuk Persamaan Min			
	F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Perbezaan Min
<b>Persamaan Varians Diandaikan</b>	0.748	0.389	1.316	121	0.191	0.14357
<b>Persamaan Varians Tidak Diandaikan</b>			1.311	116.125	0.192	0.14357

## 5.0 Rumusan

Secara keseluruhan, hasil kajian yang telah dijalankan mencatat kebolehsaingan peningkatan diri pelajar KKSB adalah pada nilai skor min 3.96. Bagi kebolehsaingan komunikasi pelajar pula mencatatkan nilai skor min 3.63 dan kebolehsaingan kerja pula merekodkan nilai skor min 3.98 merumuskan daya saing pelajar Kolej Komuniti Sabak Bernam berada pada tahap sederhana tinggi bagi ketiga-tiga elemen. Manakala tidak wujud perbezaan yang begitu ketara antara daya saing pelajar KKSB mengikut jantina dengan skor min masing-masing 3.93 bagi pelajar lelaki dan 3.78 bagi pelajar perempuan.

Hasil dapatan ini menunjukkan usaha dan pelaksanaan program-program pembangunan diri terhadap pelajar-pelajar KKSB masih perlu diperkasa dan dipertingkatkan lagi bagi mempersiapkan diri pelajar sebelum menamatkan pengajian seterusnya memasuki alam pekerjaan. Menerusi kajian ini, dapatlah dicadangkan kepada pihak-pihak pentadbir institusi khususnya untuk mempergiat dan mengaktif pelaksanaan program-program bercorak kepimpinan, badan beruniform, persatuan dan kelab. Melalui program seumpama ini pelajar dapat dilatih mempertajam kemahiran berpasukan dan memperkasa daya tahan mental dan fizikal. Dalam masa yang sama kekerapan penganjuran program berbentuk kemahiran komunikasi, pengucapan awam, dan penggunaan Bahasa Inggeris perlu dilazimi di peringkat institusi bagi persiapan pelajar mendepani pasaran kerja masa kini seterusnya melahirkan graduan TVET yang berdaya saing.

## Rujukan

Abdul Aziz, A. R. (2020). Pengangguran dalam kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 1-9. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i11.539>

- Hariyaty Ab Wahid (2014). Keusahawanan sosial, daya tahan dan daya saing pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Tesis Dr. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lutfihak Alpkhan, Cagri Bulut, Gurhan Gunday, Gunduz Ulusoy, Kemal Kilic (2010). *Organizational Support For Intrapreneurship And Its Interaction With Human Capital To Enhance Innovative Performance*. Journal of Management History 48(5): 732-755
- Morshidi Sirat, Ambigapathy, P., Balakrishnan, M., Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Harshita Aini Haroon, Hazita Azman, Muhammad Kamarul Kabilan, Ratna Roshida Abdul Razak (2008). *The university curriculum and the employment of graduates*. Dlm. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia pnyt). *Enhancing the quality of higher edication through research: Shaping future policy* 136-159. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Norasmah Othman (2002). Keberkesanan Program Usahawan Muda di sekolah menengah. Tesis Dr. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Norasmah Othman, Khairul Khairiyah Khasbullah, Hariyaty Ab Wahid (2015). Tahap Daya Saing Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Semenanjung Malaysia. Jurnal Pendidikan Malaysia 40(2) (2015): 139-149.
- Sarudin, Isarji and Zubairi, Ainol Madziah and Nordin, Mohamad Sahari and Omar, Mohd. Azmi (2008) *The English language proficiency of Malaysian Public University students*. In: *Enhancing the Quality of Higher Education Through Research: Shaping Future Policy*. MOHE, The Ministry of Higher Education (MOHE) Malaysia, pp. 40-65.
- Siti Zaleha Omain, Ahmad Jusoh, Low Hock Eng, Norliza Mohd Salleh, Shafudin Mohd Yatim (2007). Penentuan kemahiran yang bersesuaian untuk pelajar Sarjana Muda Pengurusan Teknologi. Laporan Projek Penyelidikan VOT75101. Research Management Center, UTM
- Wan Hartini Wan Hassan, Zaliha Hussin, Zaihan Abd Latip (2003). Sikap daya saing siswa siswi di UiTM Kampus Alor Gajah dalam kecemerlangan akademik. Biro Penyelidikan dan Perundingan. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara
- Zunainah Hamid, Intan Shafinaz Abd. Razak (2020). Hubungkait antara Kemahiran Kebolehkerjaan bagi Graduan Bidang Teknikal di Politeknik Sultanah Bahiyah Terhadap Keupayaan dan kemampuan Dalam Melaksanakan Pekerjaan